

# 2019-2023

## PELAN STRATEGIK



# MAJLIS DAERAH KERIAN

NO 1, WISMA MDK, JALAN PADANG,  
34200 PARIT BUNTAR  
PERAK DARUL RIDZUAN



05 716 1228



05 716 9268



[www.mdkerian.gov.my](http://www.mdkerian.gov.my)

## ISI KANDUNGAN

### ISI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

KATA-KATA ALUAN	1
RINGKASAN EKSEKUTIF	2
DAFTAR ISTILAH	3
SENARAI JADUAL	4
SENARAI RAJAH	5
LATAR BELAKANG MAJLIS DAERAH KERIAN	6
ORGANISASI MAJLIS DAERAH KERIAN	7
FUNGSI DAN PERANAN MAJLIS DAERAH KERIAN	8
PUNCA KUASA MAJLIS DAERAH KERIAN	9
STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN MAJLIS DAERAH KERIAN	10
<b>BAB 1: ANALISA PERSEKITARAN</b>	
1.1 – ANALISA PERSEKITARAN	11-12
<b>BAB 2: HALA TUJU STRATEGIK</b>	
2.1 – VISI DAN MISI	13
2.2 – MOTO	13
2.3 – NILAI BERSAMA	14
2.4 – FOKUS UTAMA	15
FOKUS 1	16-18
FOKUS 2	19
FOKUS 3	20-22
FOKUS 4	23-25
FOKUS 5	26-27
FOKUS 6	28
2.5 – ELEMEN PENENTU KEJAYAAN	29
2.6 – MEKANISME PELAKSANAAN	30-31
2.7 – <i>THE WAY FORWARD</i>	31
<b>BAB 3: PENUTUP</b>	32
LAMPIRAN	33-35

## KATA – KATA ALUAN

Alhamdullilah, bersyukur ke Hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya dapat kita meneruskan usaha menjayakan pembentukan Pelan Strategik Majlis Daerah Kerian (MDK). Usaha jabatan untuk mengadakan Perancangan Strategik ini merupakan suatu usaha untuk melonjakkan kecemerlangan perkhidmatan jabatan dengan merangka strategik objektif ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan kerenah birokrasi.

Dalam setiap organisasi, perancangan yang teliti dan berstrategik merupakan kunci kepada kejayaan terhadap apa juga program yang dirancang dan dilaksanakan. Tanpa perancangan boleh diibaratkan kita bergerak tanpa haluan dan tiada matlamat. Oleh itu, Perancangan Strategik Majlis Daerah Kerian Tahun 2019-2023 ini disusun untuk panduan kepada kita semua dalam memastikan peranan, fungsi dan tanggungjawab MDK berada di landasan betul. Pelan Strategik MDK ini disediakan dengan mengambil kira keperluan pemegang taruh, kekuatan dan kelemahan MDK untuk menyesuai dan mensejajarkan pelan tindakan MDK selaras dengan perkembangan semasa. Sehubungan dengan ini, Enam Fokus utama telah digariskan untuk menyeimbangi objektif dan matlamat MDK.



Pihak pengurusan MDK dengan ini merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Universiti Utara Malaysia dalam kerjasama strategik untuk menyiapkan Pelan Strategik ini. Kerjasama yang diberikan khususnya oleh Prof. Madya Dr. Che Nor Azlan Taib, PHD- Pengurusan Kualiti, Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik UUM Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia sebagai fasilitator telah dapat diterjemah dengan baik sekali.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar semua pihak yang dapat membulatkan tekad dan bersatu hati bagi menjayakan Pelan Strategik Majlis Daerah Kerian ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERSATU MEMBINA KEMAKMURAN"**

**Helmi bin Yusof @ Jusoh, A.M.P  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kerian**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Majlis Daerah Kerian (MDK) merupakan salah satu daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan yang sedang mengalami pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Bermula dari sebuah kawasan yang serba kekurangan, kini Kerian menjadi salah sebuah daerah yang aktif berperanan memberi keselesaan dan keharmonian kepada orang ramai melalui usaha-usaha perkhidmatan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Oleh yang demikian, MDK seharusnya mempunyai halatuju yang berfokus dan strategi yang jitu bagi merealisasikan perancangan, pembangunan dan sistem penyampaian perkhidmatannya dalam memenuhi kehendak pelanggan secara cekap dan berkesan.

Penggubalan Pelan Strategik MDK ini merupakan satu tindakan yang amat penting untuk menjadi landasan bagi titik bermulanya peningkatan, penambahbaikan dan inovasi yang berterusan ke arah mendukung visi dan misi Majlis Daerah Kerian. Dokumen ini juga merupakan salah satu usaha Majlis Daerah Kerian dalam memperkasakan modal insan, budaya kerja dan pembentukan identiti yang tersendiri. Kejayaan Pelan Strategik ini amat bergantung kepada cara pelaksanaan dan pemantauan yang mantap.

Pelan Strategik ini mengandungi visi, misi, nilai-nilai bersama, objektif strategik, strategi, pelan tindakan serta peta strategi bagi memberi garis panduan mengenai perancangan dan pelaksanaan strategi kepada Majlis Daerah Kerian. Majlis Daerah Kerian juga akan menilai semula dan mengemaskini Pelan Strategik sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan pencapaian adalah selari dengan sasaran yang telah ditetapkan. Pemantauan akan diadakan secara berkala dan penambahbaikan dibuat pada setiap peringkat pelaksanaan supaya ia sentiasa berada di atas landasan yang betul. Kaedah pengukuran prestasi yang digunakan ialah Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*).

## DAFTAR ISTILAH

---

<b><u>ISTILAH</u></b>	<b><u>MAKSUD</u></b>
<b>MDK</b>	Majlis Daerah Kerian
<b>ICT</b>	<i>Information and Communication Technologies</i>
<b>NGO</b>	<i>Non-Governmental Organisation</i>
<b>KPI</b>	<i>Key Performance Indicator</i>

## SENARAI JADUAL

- 
- |           |   |
|-----------|---|
| Jadual 1  | Nilai Bersama   |
| Jadual 2: | Fokus 1 - Memperkuuhkan Dan Memantapkan Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Bagi Meningkatkan Sumber Hasil. |
| Jadual 3  | Fokus 2 - Menstabilkan Tadbir Urus Melalui Teknologi Semasa   |
| Jadual 4  | Fokus 3 - Mempertingkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan                                      |
| Jadual 5  | Fokus 4 - Memantapkan Pengurusan Perkhidmatan Perbandaran Untuk Kesejahteraan Rakyat                      |
| Jadual 6  | Fokus 5 - Pembangunan Fizikal Bandar Dan Pemeliharaan Alam Semula Jadi                                    |
| Jadual 7  | Fokus 6 - Memantapkan Pembangunan Sosial Bagi Kesejahteraan Rakyat  |
| Jadual 8  | Jadual Perancangan Pemantauan Dan Penilaian Pelan Strategik   |
| Jadual 9  | Jawatankuasa Pengurusan Strategik Majlis Daerah Kerian.   |

## SENARAI RAJAH

---

- |         |  |
|---------|--|
| Rajah 1 | Carta Organisasi                                 |
| Rajah 2 | Punca Kuasa Majis Daerah Kerian                  |
| Rajah 3 | Stakeholders dan Pelanggan Majlis Daerah Kerian. |

## LATAR BELAKANG MAJLIS DAERAH KERIAN




Sebelum penubuhan Majlis Daerah Kerian (MDK), satu pentadbiran di peringkat kerajaan tempatan telah ditubuhkan bagi memainkan fungsi dan peranannya mentadbir dan mengurus pentadbiran di peringkat daerah yang dikenali sebagai Lembaga Bandaran Kerian. Pada 1 Julai 1975 melalui no warta P.U. 22723 Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Kerian telah ditubuhkan bagi menggantikan Lembaga Bandaran Kerian dan pada 1 Januari 1978 Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Kerian diberi taraf autonomi kewangan (Financially Autonomous) dengan berkuatkuasanya seksyen 11, seksyen Kecil 4, Akta 124.

MDK telah ditubuhkan dan diwartakan pada 1 September 1979. Pengisytiharan MDK telah dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Idris Al Mutawakkil Alallah Shah Ibni Almarhum Sultan Iskandar Shah Kaddasallah pada 5 September 1979. Majlis Daerah Kerian pada masa itu berkeluasan 95.83 km persegi atau 9,853 hektar.

Pentadbiran MDK beribu pejabat di Jalan Pejabat, Parit Buntar dengan bangunannya dikongsi bersama-sama Pejabat Daerah dan Tanah Kerian. Dengan kepesatan pembangunan daerah Kerian serta keperluan pertambahan bilangan anggota kerja, sebuah bangunan baru telah dibina pada tahun 1992 dengan peruntukan Majlis sendiri iaitu kira-kira RM2.2 juta. MDK seterusnya telah membuka dua lagi pejabat cawangannya iaitu di Kuala Kurau dan Bagan Serai bagi menampung keperluan penduduk di kawasan pentadbirannya iaitu seramai 157,220 orang. Keluasan keseluruhan Daerah Kerian adalah 921.47 km persegi dan keluasan kawasan operasi adalah 163.66 km persegi.

## RAJAH 1: ORGANISASI MAJLIS DAERAH KERIAN



**NOTA:** Simbol \* adalah penempatan dan waran daripada Persekutuan.

**TARIKH KEMASKINI:** 2 MEI 2019

## FUNGSI DAN PERANAN MAJLIS DAERAH KERIAN

- i. Melaksanakan dasar-dasar kerajaan persekutuan dan negeri terutamanya dasar pembangunan negara dan wawasan 2020.
- ii. Merancang, melaksana dan mengawal semua aspek pembangunan fizikal dengan berdasarkan kepada rancangan pemajuan, kehendak undang-undang, piawaian perancangan dan polisi-polisi yang diterima pakai oleh Majlis.
- iii. Menyedia dan meningkatkan peluang-peluang perniagaan dan perdagangan secara teratur, komprehensif dan berpotensi ke atas nilai-nilai ekonomi.
- iv. Menyediakan kemudahan infrastruktur dan rekreasi yang selesa dan harmoni dengan penekanan kepada usaha membaik pulih kemudahan sedia ada.
- v. Meningkatkan kawalan kesihatan, kebersihan dan pengindahan untuk mewujudkan suasana kehidupan yang selesa dan harmoni.
- vi. Menguatkuasa undang-undang yang diterima pakai.
- vii. Memastikan setiap tindakan dan pelaksanaan tugas dengan mengambil kira “value for money”.
- viii. Memberikan keselesaan dan keharmonian kepada orang ramai melalui usaha-usaha perkhidmatan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

## RAJAH 2: PUNCA KUASA MAJLIS DAERAH KERIAN



**RAJAH 3: STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN MAJLIS DAERAH KERIAN****STAKEHOLDERS**

- MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN / MMK
- KERAJAAN PERSEKUTUAN
- KERAJAAN NEGERI

**PELANGGAN**

- PENDUDUK
- PELAWAT / PELANCONG
- AGENSI KERAJAAN
- SWASTA
- PEMILIK KEDIAMAN / PREMIS PERNIAGAAN
- NGO
- KOMUNITI PERNIAGAAN



## BAB 1 : ANALISA PERSEKITARAN

### 1.1 ANALISA PERSEKITARAN

MDK telah menggunakan beberapa kaedah untuk melaksanakan analisa persekitaran seperti 7s McKinsey, Analisis SWOT dan PESTEL bagi mengenalpasti isu-isu strategik yang menjadi penghalang kepada pencapaian Visi dan Misi MDK. Justeru tema-tema berikut telah dibentuk.

#### a. Keperluan Untuk Memantapkan Kapasiti Organisasi

MDK sentiasa membangunkan sumber manusia yang lebih berpengetahuan dan kreatif bagi mewujudkan sebuah organisasi yang cemerlang. Dalam masa yang sama MDK perlu menyediakan kemudahan infrastruktur dan kelengkapan pejabat yang mencukupi serta persekitaran pejabat yang lebih kondusif dan harmoni. Sumber kewangan yang mantap juga perlu disediakan untuk melaksanakan program dan aktiviti bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Segala tindakan hendaklah dilaksanakan dengan istiqamah.

#### b. Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi

MDK perlu memperkasakan tadbir urus organisasi dengan menerapkan nilai-nilai murni di kalangan anggota kerja serta memantapkan sistem dan prosedur kerja bagi memastikan kelangsungan tadbir urus yang cemerlang. Ini adalah untuk menjana kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.

#### c. Keperluan Mengukuhkan Pengurusan kewangan Dalam Mengoptimumkan Penggunaan Sumber Hasil

MDK perlu merancang dan menjana hasil-hasil baru dan mengoptimumkan sumber hasil dengan membangunkan kawasan yang berpotensi demi memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Pengurusan kewangan yang cekap dan bersistematik juga merupakan pemangkin kepada peningkatan sumber hasil.

#### d. Keperluan Untuk Memantapkan Pengurusan Perbandaran

Pengurusan perbandaran yang terancang dan berkualiti merangkumi pelbagai aspek seperti penyediaan kemudahan awam, perkhidmatan kesihatan awam dan kebersihan, penyelenggaraan infrastruktur dan landskap, tindakan

penguatkuasaan serta kawalan perniagaan melalui pelesenan amatlah perlu ke arah mewujudkan perbandaran yang mampan.

**e. Keperluan Untuk Memanfaatkan Teknologi ICT Dalam Urusan Penyampaian Perkhidmatan**

Kecekapan MDK dalam memberikan perkhidmatan penyampaian yang efektif dan proaktif serta mesra pengguna dapat dipertingkatkan dengan penyediakan prasarana ICT secara bersepadu dan terkini.

**f. Keperluan Untuk Mempertingkatkan Jalinan Kerjasama Strategik**

MDK perlulah melaksanakan jalinan kerjasama dengan rakan strategik melalui program dan aktiviti kemasyarakatan, perkongsian maklumat dan pemantauan bersepadu yang lebih komprehensif selaras dengan tanggungjawab bersama dalam membangunkan perbandaran Kerian.

## BAB 2 : HALA TUJU STRATEGIK

### 2.1 VISI DAN MISI

#### VISI

**KERIAN SEBAGAI PERBANDARAN  
LESTARI DAN MAMPAAN**

Majlis Daerah Kerian akan merealisasikan visi majlis dengan :

- Menyediakan pembangunan yang terancang
- Memberikan perkhidmatan dan infrastruktur perbandaran yang lengkap
- Memenuhi keperluan yang seimbang antara ekonomi, sosial dan alam sekitar
- Memastikan ciri-ciri bandar selamat dilaksanakan dalam kawasan pentadbiran majlis dengan acuan yang tersendiri.

#### MISI

**MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN  
TADBIR URUS, BERPAKSIKAN KUALITI,  
KETELUSAN DAN KECEKAPAN BAGI  
MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN**

Majlis sentiasa berusaha memainkan peranan dalam merealisasikan misi majlis ke arah :

- Menyediakan kemudahan infrastruktur yang berkualiti
- Menyediakan keperluan perkhidmatan perbandaran
- Mengamalkan konsep bandar selamat dan bandar dalam taman
- Memupuk persekitaran yang kondusif dan harmoni
- Menjalin dan membina hubungan dengan warga Kerian dan rakan kongsi
- Mengamalkan tahap tadbir urus yang responsif

### 2.2 MOTO

**BERSATU MEMBINA KEMAKMURAN**

## 2.3 NILAI BERSAMA

**JADUAL 1: NILAI BERSAMA**

<b>NILAI-NILAI</b>		<b>HURAIAN</b>
<b>K</b>	<b>Komitded</b>	Setiap anggota kerja MDK mempunyai sifat komited dan patuh serta beriltizam ke atas arahan / perintah pihak pengurusan
<b>E</b>	<b>Efisien</b>	Semua anggota kerja berkebolehan untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan dalam memenuhi ekspektasi <i>stakeholders</i> dan pelanggan
<b>R</b>	<b>Rajin</b>	Melahirkan anggota kerja MDK yang rajin dalam melaksanakan tugas tanpa mengharapkan balasan dengan mengikis sifat mementingkan diri dalam melaksanakan tugas sebagai asas pengisian amanah.
<b>I</b>	<b>Istiqamah</b>	Sentiasa mengamalkan sikap bertanggungjawab / akauntabiliti yang berterusan dalam bekerja yang boleh meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pihak awam serta mengutamakan kepentingan mereka sebagai teras perkhidmatan di kalangan anggota kerja MDK.
<b>A</b>	<b>Aman damai</b>	Memastikan persekitaran ruang bekerja berada dalam suasana yang kondusif dan harmoni.
<b>N</b>	<b>Nikmat Sejahtera</b>	Seluruh anggota kerja MDK bersyukur dan berkongsi kesejahteraan hasil daripada suasana yang aman damai serta harmoni dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

## 2.4 FOKUS UTAMA

- 1. Memperkuuhkan dan Memantapkan Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Bagi Meningkatkan Sumber Hasil.**
- 2. Menstabilkan Tadbir Urus Melalui Teknologi Semasa**
- 3. Mempertingkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan**
- 4. Memantapkan Pengurusan Perkhidmatan Perbandaran Untuk Kesejahteraan Rakyat**
- 5. Pembangunan Fizikal Bandar dan Pemeliharaan Alam Semula Jadi**
- 6. Memantapkan Pembangunan Sosial Bagi Kesejahteraan Rakyat**

**JADUAL 2: FOKUS 1 - MEMPERKUKUHKAN DAN MEMANTAPKAN KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BAGI MENINGKATKAN SUMBER HASIL.**

STRATEGI	PROGRAM / AKTIVITI/ INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	KPI INDIKATOR	SASARAN
1. Memantapkan kecekapan pengurusan hasil cukai	i. Memuat pindaan terhadap senarai pindaan nilai setiap tahun  ii. Menjalankan kutipan semasa cukai taksiran  iii. Menjalankan kutipan tunggakan cukai taksiran  iv. Mengadakan Program Cabutan Bertuah  v. Mewujudkan Task Force-Program Insentif Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran (kecuali tunggakan Bukit Merah)	Pindaan senarai nilai sebanyak 10 kali  Membuat kuatkuasa senarai nilai pindaan  Peratus kutipan  Peratus kutipan  Peningkatan jumlah pegangan 5%  Melebihi 50%	Setiap tahun  2 kali setahun  Melebihi 90% setiap tahun  Melebihi 50% Setiap tahun  Setiap tahun  Setiap tahun
2. Memantapkan kecekapan	i. Mempertingkatkan pemantauan dan	Memastikan peningkatan pendapatan hasil lesen	Peningkatan 20% pada setiap tahun

<b>pengurusan hasil bukan cukai</b>	penguatkuasaan kutipan lesen perniagaan.	Memastikan semua premis mempunyai lesen  Mengeluarkan permit perniagaan luar premis/kawasan lapang	Menjelang 2023  Setiap tahun
	ii. Mewujudkan peluang perniagaan.	Menyediakan tapak/ruang perniagaan yang baru.	Sekurang-kurangnya 2 kawasan baru setahun.
	iii. Memperluas penguatkuasaan lesen perniagaan di luar bandar	Melaksanakan tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan	50 premis setiap tahun
	iv. Penguatkuasaan papan iklan 'billboard' yang tidak memiliki lesen.	Memastikan semua papan iklan (Billboard) di kawasan daerah Kerian dilesenkan.	Tindakan penguatkuasaan 100% dalam tempoh 2 tahun. 2019 – 50% 2020 - 50%
	v. Membuat semakan kadar sewaan premis majlis	Semakan kadar sewaan  Tarikh penguatkuasa	1 kali semakan kadar sewaan 5 tahun.  Selewatnya Jun 2019
	vi. Meneruskan kutipan semasa sewaan	Peratus kutipan	Melebihi 90%
	vii. Mempergiat kutipan tunggakan sewaan	Peratus kutipan	Melebihi 50%

<b>3. Memantapkan kecekapan pengurusan kewangan</b>	i. Berbelanja mengikut belanjawan yang telah diluluskan  ii. Membudayakan penjimatan dan mengelakkan pembaziran perbelanjaan melalui konsep ‘value for money’  iii. Melaksanakan program kutipan luar	Laporan prestasi perbelanjaan setiap bulan  Mengoptimakan kos operasi organisasi  4 sesi program kutipan luar.	Tidak berlaku defisit dalam belanjawan tahunan  Mengurangkan perbelanjaan sebanyak 5% daripada bajet perbelanjaan tahunan  Setiap tahun
<b>4. Memantapkan penguatkuasaan Undang-Undang.</b>	i. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan parkir di kawasan Bagan Serai.  ii. Melaksanakan tindakan kompaun halangan dan tempat letak kereta serta pendakwaan.	Peningkatan hasil  Menyelesaikan isu parkir kenderaan di bawah Undang-Undang Di Bawah Akta 171 Jumlah kompaun melibatkan pelbagai kesalahan – 210  Jumlah kompaun Tempat Letak Kereta 19,000	Melibatkan 300 petak parkir dengan purata 60 petak parkir setiap tahun sehingga 2023  Setiap setahun  Setiap tahun

### JADUAL 3: FOKUS 2 - MENSTABILKAN TADBIR URUS MELALUI TEKNOLOGI SEMASA

STRATEGI	PROGRAM / AKTIVITI/ INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	KPI INDIKATOR	SASARAN
1. Mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan.	i. Penyediaan Pelan Strategik ICT tahun 2019-2021 <b>Teras 1:</b> Pengukuhan Aplikasi Yang Lebih Efektif <b>Teras 2:</b> Pemantapan Infrastruktur Ict Secara Optimum Dan Efisien <b>Teras 3:</b> Pemantapan Tadbir Urus Dan Pembudayaan ICT	Pelaksanaan Pelan strategik ICT	Melaksanakan keseluruhan rancangan di dalam Pelan Strategik ICT menjelang 2021
2. Meningkatkan kawalan keselamatan bandar.	i. Pemasangan CCTV di kawasan berisiko tinggi.	Memasang CCTV di 1 kawasan pusat bandar.	1 unit menjelang 2021
3. Melaksanakan sistem online kepada pelanggan	i. Mempekenalkan sistem aduan secara online. ii. Penggunaan sistem parkir online	Penggunaan sistem I-tegur. Pelaksanaan e-park.	24 aduan diterima setahun 20% penggunaan

**JADUAL 4: FOKUS 3 - MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

STRATEGI	PROGRAM / AKTIVITI/ INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	KPI INDIKATOR	SASARAN
1. Memantapkan pembangunan organisasi	i. Meningkatkan integriti dan akauntabiliti pegawai ii. Memantapkan penghayatan budaya perkhidmatan berkualiti dan organisasi cemerlang	Penurunan bilangan kes tatatertib  Pengekalan pencapaian kejayaan dan anugerah yang telah diperolehi	Sifar kes tatatertib  Mengelakkan sijil MS ISO 9001:2015, 5S, Sijil Bersih Penyata Kewangan.
2. Memperkasakan peranan Ahli Majlis	i. Peningkatan bilangan kehadiran Mesyuarat Penuh, Mesyuarat Jawatankuasa dan turun padang.	Mewujudkan KPI ahli majlis	Kehadiran 90% ke atas
3. Mempertingkatkan imej organisasi	i. Mempertingkatkan budaya kreatif dan inovatif	Latihan budaya kreatif dan inovasi  Anugerah Inovatif dan KIK	Sekurag-kurang 1 kali setahun  Memastikan penyertaan 1 kumpulan menyertai pertandingan KIK dan inovatif

	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Penarafan dalam Star Rating PBT</li> </ul>	<p>Pematuhan kepada sistem dan prosedur, indikator, pekeliling dan peraturan yang telah ditetapkan.</p>	<p>Mengekalkan penarafan 5 bintang dengan peningkatan peratusan markah.</p>
<b>4. Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat dan Pengiktirafan 5S</li> <li>ii. Mempertingkatkan jalinan dan hubungan antara pihak pengurusan dan kakitangan</li> </ul>	<p>Pembinaan bangunan baru pejabat  Pensijilan 5S  Biangan pelaksanaan aktiviti</p>	<p>Bangunan baru pejabat siap dalam tempoh 3 tahun 2019 (dipersijilkan)</p> <p>5 aktiviti setahun</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perjumpaan Dwi Bulanan</li> <li>2. Hari Keluarga/ Jamuan</li> <li>3. Sukan</li> <li>4. Program Mengacau Bubur Asyura</li> <li>5. Program Berbuka Puasa</li> </ol>
<b>5. Memperkuuhkan pengurusan dan pembangunan sumber manusia</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memperkuuhkan pembangunan latihan</li> <li>ii. Memberi pengiktirafan kepada staf</li> </ul>	<p>Melatih anggota kerja dapat melaksanakan pelbagai tugas</p> <p>Peratusan anggota kerja mencapai LNPT 85%</p>	<p>Memastikan 50% daripada semua kakitangan</p> <p>Peningkatan peratusan jumlah kakitangan yang</p>

	<p>iii. Pematuhan tahap kesihatan sihat dan cergas bagi setiap staf Jabatan Penguat kuasa</p> <p>iv. Memantapkan kemahiran dan keupayaan kakitangan dalam menguatkuasakan undang-undang</p>	<p>setiap tahun.</p> <p>Memastikan pencapaian anggota pada paras berat badan ideal berpandukan kepada BMI</p> <p>Jumlah anggota yang menghadiri kursus/latihan yang berkaitan</p>	<p>mencapai LNPT 85% setiap tahun</p> <p>Semua anggota kerja Jabatan Penguatkuasa</p> <p>Setiap anggota perlu menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 kali setahun</p>
--	---	---	---

**JADUAL 5: FOKUS 4 - MEMANTAPKAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT**

STRATEGI	PRORAM / AKTIVITI/ INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	KPI INDIKATOR	SASARAN
<b>1. Mempertingkatkan Perkhidmatan Perbandaran Dengan Lebih Efisien</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembersihan Awam</li> <li>• Perkhidmatan kutipan sisa pepejal</li> <li>• Tandas awam</li> <li>• Premis Makanan</li> </ul>	i. Meningkatkan aktiviti pemantauan terhadap kerja – kerja kontraktor pembersihan kawasan  ii. Memastikan perkhidmatan pembersihan kawasan diberikan setelah penyerahan rasmi dibuat oleh pihak pemaju (skim pembangunan)  iii. Memastikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dijalankan secara komperhensif mengikut piagam pelanggan yang ditetapkan	Laporan pemantauan pembersihan  Mengadakan mesyuarat pemantauan kontraktor pembersihan kawasan.  Pemberian perkhidmatan pembersihan	144 laporan (12 zon x 12 bulan) setahun  4 kali setahun  100% perkhidmatan / jumlah penyerahan  Lebih dari 90% piagam pelanggan  Ke arah pengswastaan operasi perkhidmatan kutipan sisa pepejal sepenuhnya menjelang 2035

	<p>iv. Memastikan kesemua Tandas Awam memenuhi kriteria sekurang – kurangnya penarafan 3 bintang Pemantauan Audit Star Rating Tandas Awam</p> <p>v. Pemantauan sistem penggredan premis makanan</p>	<p>Memantau kebersihan dan keceriaan tandas secara berkala mengikut penarafan bintang terdahulu.</p> <p>Peratusan bilangan premis mendapat Gred A</p>	<p>Mencapai sekurang – kurangnya 80% penarafan 3 bintang untuk tandas awam</p> <p>Kekalkan 50%</p>
<b>2. Peluasan perkhidmatan kutipan sampah oleh konsesi.</b>	i. Melantik kontraktor pengswastaan bagi operasi kutipan sampah di beberapa kawasan operasi Majlis	Melibatkan 30% operasi pengswastaan kutipan sampah di kawasan operasi Majlis	Meningkatkan operasi pengswastaan kutipan sampah kepada 90% di kawasan operasi Majlis
<b>3. Peluasan Tapak Pelupusan Sampah Untuk Memenuhi Keperluan Masa Hadapan.</b>	i. Rancangan untuk memperluaskan tapak pelupusan sampah dari 6.05 ekar kepada 50 ekar.	<p>Kajian untuk peluasan akan dijalankan dalam tempoh 3 bulan bermula Mac 2019 sehingga Mei 2019</p> <p>Menyediakan kertas cadangan peluasan tapak meliputi cadangan pengambilan tanah bagi tujuan membina tapak perlupusan sampah dalam tempoh sehingga Disember 2019</p>	Tapak pelupusan dengan keluasan dan kapasiti baru akan beroperasi sekitar tahun 2021

<b>4. Meningkatkan aktiviti kitar semula dan program gotong royong.</b>	i. Mewujudkan pusat kitar semula <i>one stop centre</i> di beberapa taman perumahan.  ii. Melaksanakan program gotong royong secara berkala.	Berdasarkan kepada peratusan pengumpulan data di pusat kitar semula.  20 kali setahun.	25 lokasi setahun  15 kali setahun
---	--	--	--

## JADUAL 6: FOKUS 5 - PEMBANGUNAN FIZIKAL BANDAR DAN PEMELIHARAAN ALAM SEMULA JADI

STRATEGI	PRORAM / AKTIVITI/ INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	KPI INDIKATOR	SASARAN
1. Mempertingkatkan kemudahan infrastruktur awam dan perkhidmatan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan projek kepada masyarakat bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan kepada penduduk.</li> <li>ii. Pemantapan proses pelaksanaan dan pemantauan projek pembangunan.</li> <li>iii. Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur pelancongan</li> </ul>	<p>Pelaksanaan projek infrastruktur, kemudahan awam dan sosio ekonomi.</p> <p>Prestasi perbelanjaan projek.</p> <p>Pelaksanaan 1 projek Ban Pecah Tanjung Piandang</p>	<p>150 Projek setiap tahun</p> <p>Memastikan prestasi perbelanjaan digunakan 100% setiap tahun.</p> <p>2021</p>
2. Mempergiatkan pembangunan lestari	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempertingkatkan dan memantapkan kemudahan rekreasi dan kemudahan landskap.</li> <li>ii. Mewujudkan kemudahan landskap baru.</li> </ul>	<p>Pelaksanaan dan penyelenggaraan projek landskap.</p> <p>Pelaksanaan 2 projek Jalan Temenggong dan Jalan Dennistown.</p>	<p>20 Projek setiap tahun</p> <p>dilaksanakan pada tahun 2019.</p>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Pelan Induk Landskap / Pelan Perancangan Komprehensif.</li> <li>iv. Tahap Kemampanan Bandar</li> <li>v. Mewujudkan Indeks Bangunan Hijau untuk bangunan Wisma MDK.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan pokok yang ditanam.</li> <li>Peningkatan pencapaian MURNInets.</li> <li>Mendapatkan persijilan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1000 pokok setiap tahun (83 pokok sebulan)</li> <li>Mampan - &gt;86%</li> <li>3 bintang.</li> </ul>
--	---	--	--

**JADUAL 7: FOKUS 6 - MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN SOSIAL BAGI KESEJAHTERAAN RAKYAT**

STRATEGI	PRORAM / AKTIVITI/ INISIATIF/ PELAN TINDAKAN	KPI INDIKATOR	SASARAN
4. Meningkatkan jalinan dan penyertaan bersama komuniti	i. Melaksanakan program persekitaran sosial komuniti. ii. Meningkatkan penglibatan komuniti dalam pelaksanaan program.	Program kejiranan hijau dan rakan taman  Melaksanakan program dialog bersama penduduk	5 program setahun.  3 kali setahun
5. Memperkasakan imej Majlis	i. Mengadakan jaringan kerjasama dengan pihak berkepentingan. ii. Melaksanakan penilaian tahap kepuasan pelanggan. iii. Memantapkan dan meningkatkan imej korporat PBT  Menjenamakan PBT sebagai organisasi yang dekat dihati rakyat	Mengadakan program bersama jabatan kerajaan dan NGO  Mencapai peratusan yang ditetapkan  Pewujudan medium-medium perkhidmatan yang berkesan dan sampai kepada pengguna  Statistik aduan yang diterima	10 program setahun  85%  Memastikan sistem-sistem yang diguna pakai lancar  Memastikan aduan berlaku pengurangan sebanyak 5%

## 2.5 ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Penggubalan Pelan Strategik ini adalah untuk memastikan MDK bergerak seiring dengan ekspektasi pelanggan dan kemajuan negara. Bagi memastikan perkara ini terlaksana dan dihayati oleh anggota kerja MDK, elemen-elemen di bawah adalah penentu kepada kejayaan bersama.

- **KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS CEMERLANG**

Kemahiran memimpin merupakan elemen terpenting dalam menentukan kejayaan sesuatu organisasi. Tadbir urus yang cemerlang pula mendorong keazaman anggota kerja merealisasikan sasaran MDK. Oleh yang demikian, usaha penyatuan kedua-dua elemen ini akan memastikan kerjasama yang erat dan padu demi kegemilangan MDK. Struktur organisasi yang tersusun akan melicinkan pentadbiran ke arah mencapai visi dan misi MDK. MDK perlu sentiasa merancang dan membangunkan pemimpin-pemimpin yang berkaliber untuk memimpin dan mengurus perubahan secara strategik bagi menerajui MDK ke satu tahap yang boleh dibanggakan di peringkat nasional dan antarabangsa.

- **PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

MDK perlulah menyediakan sumber manusia yang lebih responsif dan inovatif serta berupaya menghasilkan idea-idea baru ke arah kecemerlangan dan melaksanakan penambahbaikan berterusan. Dalam masa yang sama anggota kerja MDK perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap, bersedia bekerja dengan kuat dan rajin serta bersemangat tinggi. Anggota kerja juga hendaklah beretika dan mempunyai nilai-nilai murni, berjiwa besar serta cintakan organisasi seiring dengan slogan MDK.

- **PENGUKUHAN SUMBER KEWANGAN**

Perancangan dan pengurusan kewangan yang berkesan akan meningkatkan sumber hasil dan mengukuhkan kedudukan kewangan organisasi. Usaha gigih anggota kerja MDK melaksanakan pengurusan kewangan yang efisien dalam memastikan sumber kewangan MDK digunakan dengan lebih berkesan dan “Value For Money”. Kedudukan kewangan yang kukuh juga membolehkan MDK melaksanakan perancangan yang telah dirangka untuk dinikmati oleh warga Kerian.

- **TEKNOLOGI TERKINI**

Teknologi terkini yang merangkumi ICT dan peralatan yang lain mampu membolehkan sistem penyampaian perkhidmatan dilaksanakan dengan lebih cepat, cekap dan berkesan. ICT juga dapat mengubah cara kerja dan sistem pentadbiran supaya menjadi lebih teratur dan mudah.

## 2.6 MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan Majlis Daerah Kerian memainkan peranan dan tanggungjawab bersama dalam tempoh dua tahun ini, strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut jadual perancangan seperti **Jadual 8**. Semakan semula strategi-strategi dan keberkesanan program di dalam Pelan Strategik MDK akan dilaksanakan dalam satu kajian semula Pelan Strategik dan Kajian Keberkesanan pada tahun 2023.

Seterusnya, nilai-nilai positif di kalangan anggota kerja melalui program penghayatan yang berterusan hendaklah dipupuk berdasarkan nilai-nilai bersama MDK.

**Jadual 8: Jadual Perancangan Pemantauan dan Penilaian Pelan Strategik**

Bil	Perkara	Tarikh Cadangan
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik	<b>Setiap 6 bulan</b>
2.	Penilaian Pencapaian	<b>Setiap tahun</b>
3.	Penilaian Keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik	<b>2023</b>

Dalam pada itu, bagi memperkasakan tadbir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan lebih berkesan, satu jawatankuasa khas perlu diwujudkan. Jawatankuasa ini akan dinamakan **Jawatankuasa Pengurusan Strategik Majlis Daerah Kerian**. Keahlian jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9: Jawatankuasa Pengurusan Strategik Majlis Daerah Kerian.**

<b>JAWATAN</b>	<b>KEAHLIAN</b>
<b>Pengerusi</b>	Yang Dipertua
<b>Setiausaha</b>	Setiausaha Majlis
<b>Ahli-ahli</b>	Semua Ketua Jabatan
<b>Urus setia</b>	Jabatan Khidmat Pengurusan

Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelaras utama di dalam pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Strategik Majlis Daerah Kerian berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang ditetapkan. Satu laporan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis setiap dua kali setahun.

## **2.7 THE WAY FORWARD**

Apabila berakhirnya Perancangan Strategik ini dilaksanakan iaitu pada tahun 2023, diharapkan peranan Majlis Daerah Kerian akan lebih menyerlah dalam aspek pengurusan dan perkhidmatan perbandaran. Oleh kerana agenda pengurusan dan perkhidmatan perbandaran adalah agenda yang berterusan, maka perancangan strategik 5 tahun bukanlah suatu tempoh yang wajar untuk menggambarkan pencapaian secara holistik. Perancangan ini perlulah ada kesinambungan bagi membangunkan dan memantapkan lagi transformasi pengurusan serta perkhidmatan perbandaran Majlis Daerah Kerian berdasarkan kepada ekspektasi semasa.

Selepas tahun 2023, Majlis Daerah Kerian mempunyai gagasan dan berwawasan untuk menggapai sasaran seperti berikut:

- a. Dimartabatkan sebagai sebuah perbandaran yang maju dan lestari dalam hubungkait pembangunan manusia dan alam sekitar; dan
- b. Pengurusan perkhidmatan perbandaran yang bersepada, cekap dan berkesan selaras dengan aspirasi negara.

### BAB 3 : PENUTUP

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap adalah faktor utama bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat serta masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik Majlis Daerah Kerian 2019 - 2023 telah mengariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta tindakan/program yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan indikator yang ditetapkan. Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamnya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

## LAMPIRAN

